

Projek landasan berkembar disambung

HULU SELANGOR: Kerajaan memutuskan untuk menyambung semula Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar selaras dengan dasar memajukan Utara Semenanjung melalui projek Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang dijadual siap pembinaannya pada 2012.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, berkata projek itu sudah bermula beberapa minggu lalu dianugerahkan kepada syarikat usaha sama MMC Corporation Bhd dan Gamuda Bhd (MMC-Gamuda) yang dikenali sebagai MMC - Gamuda Joint Venture Sdn Bhd.

Katanya, apabila projek landasan berkembar berkenaan siap, Malaysia akan mempunyai landasan berkembar kereta api dari Johor Bahru ke Padang Besar sejauh 635 kilometer.

"Kerajaan secara rasminya sudah memberi kebenaran kepada syarikat terbabit untuk memulakan projek sejak 8 Januari lalu dan kita jangkakan projek landasan berkembar berkenaan akan dapat disiapkan dalam tempoh lima tahun.

"Pembinaan landasan berkembar kereta api elektrik sepanjang 329 kilometer itu juga akan menelan belanja RM12.485 bilion berbanding jangkaan RM8 bilion sebelum ini disebabkan peningkatan harga minyak dan bahan binaan di pasaran dunia," katanya selepas majlis meraikan lengkapnya pakej sistem projek Landasan Berkembar Elektrik Rawang-Ipoh, di Stesen Komuter Rasa, dekat sini, semalam.

Pada Disember 2003, kerajaan membuat keputusan menangguhkan projek landasan berkembar kereta api elektrik Ipoh-Padang Besar yang diserahkan kepada MMC-Gamuda kerana mahu mengutamakan projek pembangunan lain.

Projek landasan berkembar kereta api elektrik itu dilaksanakan sebagai antara komponen penting untuk membentuk Rangkaian Kereta Api Rentas Asia dari Singapura ke Kunming, di China.

Chan berkata, bagi memastikan kelancaran projek terbabit, beliau akan mengetuai sesi penerangan kepada kerajaan Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

"Sesi penerangan akan bermula dengan Perak, Khamis depan bertujuan membantu menyelesaikan masalah kira-kira 3,000 setinggan di sepanjang landasan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga memutuskan untuk menambah lautan perkhidmatan komuter sedia ada sehingga ke Tanjung Malim dan Batu Caves.